

AKHBAR

HARIAN METRO

TARIKH / HARI

27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Kitaran ganas denggi

lku 27 Feb 2017

■ Kes jangkitan, kematian dijangka meningkat dalam beberapa bulan lagi

Mahaizura Abd Malik

mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes jangkitan dan kematian akibat denggi di negara ini dijangka mengalami trend peningkatan untuk tempoh beberapa bulan akan datang disebabkan perubahan jenis virus daripada DEN 2 kepada DEN 3.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, virus denggi mempunyai empat jenis merangkumi DEN 1, 2, 3 dan 4 yang boleh menjadi ancaman kepada manusia.

"Awal tahun ini, terdapat perubahan jenis virus dari DEN 2 kepada DEN 3 berlaku dalam kalangan komuniti.

"Oleh kerana ramai komuniti yang belum imun terhadap jenis DEN 3 ini, maka ia boleh menyebabkan peningkatan kes dan kematian denggi untuk beberapa bulan akan datang," katanya.

Menurutnya, sejak dua minggu kebelakangan ini, kes denggi di seluruh negara menunjukkan trend peningkatan 15.3 peratus (254 kes) apabila 1,915 kes dilaporkan berbanding 1,661 pada minggu keenam tahun ini.

"Bagi jumlah kes denggi terkumpul dilaporkan dari Januari hingga 18 Februari lalu pula didapati menurun 44.2 peratus membabitkan 12,576 kes saja berbanding 22,518 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 34 kematian direkodkan berbanding 51 kematian bagi tem-

poh sama tahun lalu.

"Justeru, masyarakat diminta berwaspada dan sekiranya menghidap demam, mereka dinasihatkan mendapatkan rawatan segera sama ada di klinik atau hospital bagi mengecek komplikasi lebih serius atau kematian," katanya.

Katanya, masyarakat perlu memastikan persekitaran kediaman masing-masing bersih serta bebas daripada pembiakan nyamuk aedes berikutnya tindakan pencegahan daripada komuniti dan individu ini membantu mengurangkan populasi nyamuk aedes sebagai penyebar virus denggi dalam kalangan manusia.

"Beberapa faktor dikenal pasti menyebabkan peningkatan kes ialah persekitaran tidak bersih dan banyak bekas berpotensi menakung air boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes ditambah pula dengan tabiat masyarakat membuang sampah mera-ta-rata menjadikan lebih banyak tempat pembiakan.

"Selain itu, perubahan cuaca apabila musim hujan, banyak takungan air dan memudahkan nyamuk mencari tempat bertelur dan meningkatkan populasi nyamuk sebagai penyebar virus denggi dalam kalangan komuniti.

"Pada masa sama, faktor rumah (host) di mana individu dijangkiti virus bergerak secara meluas dengan kemudahan pengangkutan awam masa kini menyebabkan sebaran virus ini lebih cepat berlaku di kawasan baru," katanya.

Sementara itu, berdasarkan maklumat daripada Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan Selangor mencatatkan jumlah kes denggi tertinggi iaitu 6,693 dengan enam kematian untuk tempoh 5 hingga 18 Februari lalu.